



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

USAHA PENSTABILAN HARGA DI SABAH, SARAWAK DAN WP LABUAN

KOTA KINABALU, 17 September 2024 – Hari ini telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga (JPH) di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan Bil. 2/2024 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Jawatankuasa ini telah diumumkan penubuhannya oleh YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 sebagai platform dalam meneliti isu-isu, cabaran serta melaksanakan kajian berhubung masalah harga barangan dan perkhidmatan di Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa ini turut akan menyediakan cadangan strategi dan mekanisme dalam penstabilan harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

Mesyuarat kali kedua ini telah membincangkan tiga kertas pertimbangan dan dua kertas makluman. Tiga kertas pertimbangan yang dibentangkan ialah Pembangunan Industri Jagung Bijian oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Inisiatif Penstabilan Harga Barangan dan Perkhidmatan di bawah Kerajaan Negeri Sabah dan Inisiatif Penstabilan Harga Barangan dan Perkhidmatan di bawah Kerajaan Negeri Sarawak. Manakala, dua kertas makluman yang dibincangkan pula ialah Laporan Dapatan Awal (Fasa Interim) bagi Kajian Penstabilan Harga di Sabah dan WP Labuan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Laporan Dapatan Awal (Fasa Interim) bagi Kajian Penstabilan Harga di Sarawak oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Pembangunan Industri Jagung Bijian Di Malaysia

Mesyuarat hari ini telah bersetuju supaya inisiatif pembangunan jagung bijian secara bersepadu dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Inisiatif ini adalah perlu untuk mengurangkan kebergantungan import sumber makanan bagi industri ternakan yang selama ini menyumbang kepada faktor kos pengeluaran yang tinggi sekali gus mempengaruhi harga bekalan yang tinggi di pasaran. Mesyuarat juga memutuskan supaya Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dilibatkan secara kolaboratif dan holistik melalui Jawatankuasa Industri Jagung Bijian Negara (NGCIC) yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Inisiatif Penstabilan Harga Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak

Mesyuarat mengambil maklum inisiatif-inisiatif dan syor-syor yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan meminta supaya dijadikan rujukan dalam Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan WP Labuan serta dipertimbangkan oleh agensi pusat dan kementerian persekutuan berkaitan.

Laporan Dapatan Awal Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan WP Labuan

Mesyuarat hari ini turut mengambil maklum mengenai dapatan awal Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang telah dimulakan pada Mei 2024 dan dijangka selesai pada November 2024. Laporan lengkap kajian ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat JPH Sabah, Sarawak dan WP Labuan akan datang yang dijadualkan pada bulan Disember 2024. Hasil dan dapatan daripada kajian ini akan dijadikan sebagai asas pertimbangan bagi penambahbaikan inisiatif sedia ada dan juga cadangan inisiatif baharu pada masa akan datang berkaitan penstabilan harga di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###